

Rekod tulisan lama tepis pandangan jahil sejarah

Dakwaan kononnya orang Melayu adalah pendatang boleh berlaku atas beberapa sebab iaitu kerana kejahilan mengenai asal usul Melayu serta kegagalan membezakan di antara penduduk watan dengan penganut agama di tempat lain.

Ia juga boleh berlaku kerana kejahilan mengenai sejarah Islam atau niat untuk menafikan kedudukan istimewa bangsa asal. 'Melayu' sebenarnya wujud sejak Sebelum Masihi (SM) lagi, malah perkataan Melayu popular dalam kalangan sarjana dan disebut dalam tulisan lama.

Ramayana dan Vayu Purana, dua tulisan India kuno pada abad ke-3 SM ada memperihalkan sebuah kerajaan di nusantara yang disebut 'Malayadvipa', bermaksud Semenanjung Emas.

Begitu juga halnya rekod Ptolemy, seorang sarjana Yunani ada menyebut entiti bernama 'Maleu-Kolon'. Perkataan Melayu lebih jelas dalam sumber Cina yang menceritakan mengenai 'Ma-La-Yu'.

Semua sumber itu merujuk suatu kawasan dikelilingi air yang berada di atas pentas Sunda. Jelasnya, Melayu dan orang Melayu ada sejarah tersendiri sejak sekian lama dan bukanlah ciptaan British-Malaya, iaitu pegawai British yang bertugas di Tanah Melayu.

Keberadaan kerajaan Melayu di Nusantara lebih jelas apabila dibicarakan mengenai Kerajaan Me-

Komentari



**Datuk
Dr Wan Ahmad Fauzi
Wan Hussain**

PhD Undang-Undang Perlembagaan
(Konsep Kedaulatan Raja-Raja Melayu)
UKM & Penasihat MIFRAJ

layu Langkasuka, Kerajaan Melayu di Jambi, Kerajaan Melayu Srivijaya, Kerajaan Melayu Champa, Kesultanan Melayu Melaka dan Kerajaan Melayu Sulu, sekadar menyebut beberapa kerajaan Melayu yang terkenal.

Melayu kerajaan berdaulat

Ia membuktikan Melayu dan kerajaan Melayu sudah berdiri sebagai kerajaan berdaulat dan ada identiti tersendiri. Misalnya, Kerajaan Melayu Srivijaya berjaya meluaskan jajahan takluk dan perlindungan sehingga terkenal sebagai kerajaan maritim bertaraf nusantara, malah mewujudkan wilayah Laut Melayu.

Ketika itu, kerajaan di dunia di-

ketuai penguasa tertinggi yang memakai pelbagai gelaran seperti maharaja, amirul mukminin, raja, sultan dan banyak lagi menurut adat tempatan masing-masing.

Di bawah Kerajaan Melayu Srivijaya yang menguasai alam Melayu, terdapat 15 koloni terdiri daripada pelbagai suku dan keturunan, iaitu Palembang, Jambi, Lamuri, Sunda, Ligor, Kemboja, Pahang, Terengganu, Langkasuka, Kelantan, Kuala Berang, Chering, Semawe, Sungai Paka dan Krabi.

Semua penduduknya dipanggil rakyat Raja Melayu atau rakyat Kerajaan Melayu Srivijaya. Pada tahap ini, Melayu merujuk kerajaan di alam Melayu, atau ringkasnya kerajaan atau Raja Melayu.

Apabila Kesultanan Melayu Melaka muncul menggantikan Kerajaan Melayu Srivijaya pada abad ke-15, Islam mula menjadi intiperas jati diri Melayu di samping kerajaan Melayu.

Selepas pembubaran kerajaan Melayu bersusur galur Raja Melaka di Johor-Pahang-Riau Lingga pada 1699, kerajaan yang asalnya di bawah jajahan dan perlindungan Kesultanan Melayu Melaka tetap mengidentitikan mereka sebagai Melayu.

Lama-kelaman rakyat Raja Melayu beragama Islam dikenali secara kolektif sebagai orang Melayu. Rakyat Raja Melayu yang tidak menganut Islam dipanggil

Orang Asli terdiri daripada pelbagai suku.

Berdasarkan sejarah watan di atas, jelaslah orang Melayu penduduk dan bangsa asal di alam Melayu dan Semenanjung Tanah Melayu. Takrifan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan mengenai orang Melayu adalah tepat berdasarkan sejarah undang-undang tanah air.

Majoriti bangsa asal dan warga Malaysia hari ini penganut Islam, namun tidak bermakna orang Arab boleh mendakwa Tanah Melayu milik mereka.

Dari aspek kewarganegaraan pada hari ini, pemimpin Melayu yang mewakili rakyat Raja Melayu dan Raja Melayu sudah muafakat menerima kaum lain untuk mendiami Tanah Melayu secara aman dan berdasarkan undang-undang.

Penerimaan kaum lain sebagai warga Tanah Melayu disaksikan melalui kuat kuasa Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu bertarikh 21 Januari 1948. Melalui kuat kuasa Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu lahirlah bangsa Melayu.

Perlu dinyatakan bahawa sesungguhnya 'bangsa' adalah satu istilah baharu. Bangsa adalah terjemahan 'nation' dalam bahasa Inggeris, bukannya 'ethnicity' yang berasaskan pada darah.

Justeru, Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf kedudukan istimewa buat orang Melayu dan pri-

bumi, bangsa asal tanah Melayu selain kepentingan sah kaum lain sebagai warganegara Malaysia pada hari ini.

Perlembagaan Persekutuan menggariskan prinsip undang-undang termasuk perkara yang melindungi jati diri watan tanah air sebelum merdeka atau terbentuknya kewarganegaraan seawal kuat kuasa Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Oleh kerana perkara terbabit membentuk prinsip perlembagaan, setiap warga Malaysia wajib menjunjung jati diri bangsa, iaitu Islam sebagai agama Persekutuan dan negeri; setia pada kedaulatan Raja-Raja Melayu; berbahasa Melayu dan boleh menulis Jawi.

Selain itu, mengamalkan nilai murni adat Melayu, adat anak negeri Sarawak dan adat anak negeri Sabah (bergantung di mana mereka tinggal); menghormati kedudukan istimewa orang Melayu dan peribumi lain serta kepentingan sah kaum lain yang menjadi warga Malaysia serta yang terakhir, mengamalkan hidup beragama dan kepercayaan bertuhan.

Perlu dinyatakan Islam juga agama Nabi Adam AS. Nabi Muhammad SAW membawa syariat akhir zaman dan nabi terakhir diutuskan kepada alam ini. Adalah tidak betul menganggap agama Hindu lebih awal wujud daripada Islam.